

DEB mungkin dilanjutkan

11 AUG 1983

KUALA LUMPUR 30 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad membayangkan kemungkinan tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru terpaksa dilanjutkan sekiranya terdapat pengamalan dasar itu secara tidak jujur.

Perdana Menteri berkata usahasama di mana Ali tidur atau digalakkan supaya tidur oleh Baba adalah contoh bagi pengamalan yang tidak ikhlas itu.

"Pengamalan seperti itu bukan sahaja akan menjejaskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tetapi mungkin akan memaksa supaya lebih banyak masa diperuntukkan untuk mencapai matlamat yang ditentukan," tambahnya.

Dalam perutusan yang disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Malaysia sempena Hari Kebangsaan 1983 malam ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru rakyat supaya mengamalkan DEB dengan ikhlas kerana "lebih cepat matlamat ini dicapai, lebih pendeklah masa yang diperlukan untuk menjayakannya."

Katanya, penerimaan dasar dan sekatan-sekatan yang tidak dapat dielak dalam masyarakat majmuk yang tidak seimbang pembangunannya hendaklah dilakukan secara ikhlas.

Menurut beliau, DEB bukan soal angka-angka matlamat yang dicapai, tetapi lebih penting dari itu

ialah perseimbangan kecekapan dan kebolehan.

"Jika ini sudah dicapai maka segala pertandingan antara kaum, apabila berlaku, tidaklah akan menjadi pertandingan yang tidak adil, di mana satu pihak jauh lebih kuat dan berkeupayaan daripada pihak yang ditandinginya.

"Keupayaan bertanding dengan asas-asas yang sama dari semua aspek akan membawa keyakinan kepada semua pihak dan mengurangkan perasaan syak wasangka antara kaum," tambahnya.

Unsur persamaan

Perdana Menteri berkata, di dalam sesebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia, kemajuan tidak mungkin dicapai melainkan jika kita dapat mengurangkan tumpuan kepada soal-soal perbezaan dan kepentingan yang berlainan dan sebaliknya unsur-unsur persamaan serta kerjasama diutamakan.

Menurut beliau lagi, bagi bumiputera di negara ini, tertinggalnya mereka di belakang berbanding dengan kaum lain, menyebabkan perasaan iri hati dan benci yang ketara.

Sebaliknya, bagi bukan bumiputera pula, terganggunya kemajuan mereka kerana perlunya mereka menunggu bumiputera juga menimbulkan rasa kecewa dan muram.

"Tetapi, jika emosi diketepikan maka kedua-dua

bih daripada kepentingan diri dan kepentingan jangka pendek.

Menyentuh pengalaman peristiwa 13 Mei, beliau menggesa rakyat berhati-hati supaya perasaan dan emosi tidak terlalu menguasai tindak-tanduk dan fikiran mereka pada bila-bila masa pun.

Beliau juga mengingatkan rakyat tentang kepentingan kestabilan di negara ini yang merupakan asas kemajuan dan kemajuan bersama adalah landasan kebahagiaan rakyat semua.

Mengenai masalah dadah, Datuk Sri Dr. Mahathir mahu rakyat memerangi dadah "seperti kita perangai syaitan."

Katanya, dadah amat-

pihak tertentu akan mengaku bahawa tidak mungkin mereka mendapat layanan 100 peratus seperti dikehendaki oleh mereka," katanya.

Beliau menegaskan, perasaan kecewa dan marah seperti itu pun terdapat di negara - negara yang penduduknya terdiri daripada satu kaum sahaja kerana perbezaan taraf sosial, seperti miskin dan kaya.

Jika hakikat itu diakui dan diterima, kata Datuk Sri Dr. Mahathir dan dengan senang hati segala urusan diteruskan dengan dedikasi tanpa terlalu dipengaruhi emosi dan sentimen, nescaya rakyat Malaysia akan berjaya dan hidup dengan lebih tenang dan aman.

Beliau menjelaskan, perkara itu ditekankan dalam perutusan malam ini supaya rakyat akan menerima keadaan yang tidak dapat dielak dan diubahkan ini dengan tenang dan menjalankan tugas masing - masing.

Bagi penduduk Malaysia yang berbilang kaum, tambahnya lagi, penerimaan hakikat dan dasar oleh semua pihak akan membolehkan mereka bekerjasama antara satu dengan lain dan kerjasama ini tetap akan membawa lebih banyak hasil.

Beralih kepada tanggungjawab memelihara kemerdekaan dan kehormatan negara, Perdana Menteri berkata tanggungjawab itu bukanlah terletak pada pemimpin, pegawai kerajaan, tentera atau polis semata - mata.

"Tugas itu merupakan tugas bersama dan tidak seorangpun yang cinta akan negara boleh menganggap dirinya dikecualikan," tegas beliau.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir lagi, peranan utama setiap orang rakyat dalam memelihara negara yang disayangi ini ialah dengan sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan umum dan kepentingan jangka panjang, le-

lah merbahaya kerana ia boleh melemahkan keseluruhan ketahanan negara ini sehingga dengan mudah dapat ditewaskan oleh orang lain.

Sempena Hari Kebangsaan ke-26 kali ini, beliau menyeru rakyat bersama - sama berusaha meningkatkan persefahaman untuk mengukuhkan lagi ketahanan negara dalam menghadapi cabaran - cabaran semasa dan akan datang.

"Malaysia adalah negara kita dan kita amat bertuah menjadi anak watannya. Bersama - samalah kita mengembleng fikiran dan tenaga ke arah kemajuan dan kesejahteraan negara kita," tambahnya.